بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيْمِ

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ رَسُوْلِ اللهِ صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. أَمَّا بَعْدُ:

Para ulama mujtahid adalah kelompok manusia yang terpilih di sisi ALLAH Ta'ala. Mereka adalah pewaris ilmu Nabi kita Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam yang sebenar.

Sifat para nabi itu adalah amanah dan sekali-kali tidak akan mengkhianati ilmu yang mereka ada. Maka para ulama yang merupakan pewaris para nabi juga sudah tentu bersifat dengan sifat amanah dengan ilmu.

Mutakhir ini, telah zahirlah satu kelompok manusia yang mendakwa bahawa merekalah ahli hadith sedangkan hakikatnya mereka jauh daripada gelaran tersebut. Mereka mendakwa para ulama mujtahid tidak bertemu dengan dalil bahawa akhir waktu bagi solat isya adalah dengan terbitnya fajar sodiq.

Tuduhan mereka itu seolah-olah ingin mengatakan bahawa kitab-kitab feqah yang dipelajari zaman-berzaman itu ditulis tanpa ilmu dan dalil yang kukuh.

Mereka mensyarahkan dalil hadis berkenaan akhir waktu solat isya' mengikut kefahaman mereka tanpa bersandarkan kepada ilmu dan pandangan yang benar. Malah pandangan yang mereka keluarkan tidak pernah disebutkan oleh mana-mana ulama mazhab sekalipun.

Maka saya tergerak untuk menulis risalah kecil ini bagi menjelaskan maksud sebenar hadis-hadis berkenaan. Moga ianya menjadi panduan kepada orang-orang yang inginkan kefahaman dan kebenaran berdasarkan pandangan para ulama muktabar. Semoga ALLAH memberikan kefahaman kepada kita semua. Ameen.

Terdapat tiga hadis yang menjadi perbahasan para ulama bagi menentukan akhir waktu solat Isya'. Ketiga-tiga hadis ini telah diriwayatkan oleh al-Imam Muslim rahimahullah di dalam Sahih Muslim.

عَنْ أَبِي مُوْسَى الْأَشْعَرِي رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنْ رَسُوْلِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "أَنَّه أَتَاهُ سَائِلٌ يَسْأَلُهُ عَنْ مَوَاقِيْتِ الصَّلَاةِ: فَذَكَرَ الْحَدِيْثَ وَفِيْهِ ثُمَّ أَمَرَهُ فَأَقَامَ الْعِشَاءَ حِيْنَ غَابَ الشَّفَقُ ثُمَّ أَخَّرَ الْعِشَاءَ (أَيْ فِي الْيَوْمِ التَّالِي) حَتَّى كَانَ ثُلُثُ اللَّيْلِ الْأَوَّلِ ثُمَّ أَصْبَحَ فَدَعَا السَّائِلَ، فَقَالَ : (الْوَقْتُ بَيْنَ هَذَيْنِ). - رواه مسلم (614)

Daripada Abi Musa Al-Asy'ari Radhiyallahu 'Anhu, daripada Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam: *"Bahawa telah datang seseorang kepada Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam bertanya tentang waktu solat. Maka Rasulullah menceritakan tentang waktu solat, pada malam pertama, Baginda Rasul memerintahkan lelaki tersebut mendirikan solat isya' setelah hilangnya rembang merah pada waktu malam. Kemudian pada hari seterusnya, Baginda mengakhirkan solat isya' sehingga sepertiga malam yang pertama. Setelah subuh, Baginda memanggil lelaki tersebut lalu bersabda:* ***(Waktu solat isya' itu adalah di antara dua waktu tersebut.)***

وَعَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ عَمْرٍو بْنِ الْعَاصِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّهُ قَالَ: سُئِلَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ وَقْتِ الصَّلَوَاةِ؟ فَقَالَ: (... وَوَقْتُ صَلَاةِ الْعِشَاءِ إِلَى نِصْفِ اللَّيْلِ). - رواه مسلم (612)

Daripada Sayyiduna Abdullah bin ‘Amru bin Al-‘Asr Radhiyallahu ‘Anhuma beliau berkata: “Seseorang itu telah bertanya kepada Baginda Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam tentang waktu-waktu solat, maka Baginda Rasulullah menjawab: ***(Waktu isya’ itu adalah sehingga pertengahan malam.)***

وَعَنْ أَبِي قَتَادَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: (أَمَا إِنَّهُ لَيْسَ فِي النَّوْمِ تَفْرِيْطٌ وَإِنَّمَا التَّفْرِيْطُ عَلَى مَنْ لَمْ يُصَلِّ الصَّلاَةَ حَتَّي يَجِيْءَ وَقْتُ الصَّلاَةِ الْأُخْرَى). - رواه مسلم (681)

Daripada Sayyiduna Abi Qotadah Radhiyallahu ‘Anhu, katanya bahawa Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam pernah bersabda: ***(Sesungguhnya bukanlah tidur itu dikira sebagai sesuatu yang melampaui batas, tetapi yang disebut sebagai melampaui batas itu adalah orang yang tidak menunaikan solat sehingga masuknya waktu solat yang berikutnya.)***

Ketiga-tiga hadis tersebut menunjukkan bahawa baginda Nabi Sallallahu ‘Alaihi Wasallam telah menerangkan tentang akhir waktu solat isya’.

Berlaku perbezaan pandangan di kalangan para ulama terhadap masalah ini:-

<u>Pandangan pertama</u>

Berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Sayyiduna Abu Musa Al-Asy'ari. Akhir waktu isya adalah sepertiga malam yang pertama.

Para ulama Malikiyyah (dalam pandangan masyhur), Hanabilah (dalam salah satu riwayat daripada Imam Ahmad), Al-Imam al-Istokhry(ulama mazhab Syafie), Sayyiduna Umar dan Sayyiduna Abu Hurairah, berpegang dengan pandangan ini.

Para ulama Malikiyyah dan Hanabilah menamakan waktu itu dengan waktu *Al-Ikhtiar*. Manakala waktu selepas sepertiga malam itu disebut waktu *Dhorurat.* Waktu *dhorurat* itu berlansung sehinggalah terbit fajar.

Mereka (ulama Malikiyyah dan Hanabilah) berpandangan bahawa, diharamkan bagi seseorang tersebut melewatkan solat isya sehingga keluar daripada waktu *al-ikhtiyar*. Waktu dhorurat hanya dibenarkan kepada seseorang yang terpaksa menunaikan pada waktu tersebut sahaja.

Manakala para ulama Syafieyah berpadangan bahawa waktu sepertiga malam tersebut disebut sebagai waktu *al-Mukhtar/al-Ikhtiyar* dan selepas sepertiga malam ianya disebut sebagai waktu *al-Jawaz (*Waktu harus).

Ini bermaksud, bagi pandangan mazhab Syafie, selepas sepertiga malam, seseorang itu masih harus menunaikan solat isya kerana waktu masih panjang.

Telah disebut dalam hasyiah Ad-Dusuqi (kitab rujukan utama dalam mazhab maliki) bahawa, kiraan sepertiga malam tersebut adalah bermula daripada terbenam matahari, bukannya bermula daripada awal waktu isya seperti disangka oleh sebahagian manusia.

Pandangan kedua

Berdasarkan hadis Sayyiduna Abdullah bin Amru bin Al-‘Asr Radhiyallahu ‘Anhuma. Akhir waktu solat isya ialah pada pertengahan malam.

Ini adalah merupakan pandangan al-Imam Ahmad bin Hanbal yang kedua.

Menurut al-Imam al-Buhuti Rahimahullah di dalam kitab Raudh al-Murbi’ dan al-Imam Ibnu Qudamah al-Maqdisi rahimahullah di dalam kitabnya al-Mughni.

“Pandangan yang rojih di sisi Hanabilah ialah waktu akhir bagi solat isya ialah sepertiga malam.”

Namun begitu al-Imam Ibnu Qudamah menyatakan jika seseorang itu melewatkan solat isya sehingga pertengahan malam maka hukumnya adalah *harus.* Selepas pertengahan malam adalah waktu dhorurat, dan waktu tersebut berterusan sehingga terbit fajar yang kedua iaitu fajar sodiq.

Pandangan ketiga

Berdasarkan hadis Sayyiduna Abu Qotadah Radhiyallahu ‘Anhu, waktu akhir bagi solat isya ialah apabila masuknya waktu solat yang selepasnya.

Tidak boleh kita mengqiyaskan waktu akhir solat isya dengan waktu akhir bagi solat subuh yang ianya berakhir sebelum masuk waktu zohor. Ini kerana terdapat dalil yang khusus menyebutkan bahawa akhir waktu subuh adalah dengan terbitnya matahari.

Terdapat mafhum hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dam Muslim tentang perkara ini.

Sabda Rasulullah:-

"مَنْ أَدْرَكَ مِنَ الصُّبْحِ رَكْعَةً قَبْلَ أَنْ تَطْلُعَ الشَّمْسُ فَقَدْ أَدْرَكَ الصُّبْحَ."

Maksudnya: *“Sesiapa yang sempat menunaikan satu rakaat Subuh sebelum terbit matahari, maka dia telah mendapatkan solat subuh secara tunai.”*

Secara ringkasnya, semua solat wajib itu akhir waktunya adalah masuknya waktu solat selepasnya melainkan solat Subuh kerana terdapat dalil khusus yang menyebutkan bahawa akhir waktu bagi solat subuh ialah terbit matahari.

Apabila kita memahami perkara ini, maka dapatlah kita ketahui bahawa tidak ada selang masa di antara isya dan subuh berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Sayyiduna Abu Qotadah.

Selagi belum terbit fajar, maka waktu isya masih ada pada ketika itu.

Ini merupakan pandangan yang dipegang oleh para ulama Syafieyah dan Hanabilah. Ianya juga merupakan pandangan tidak masyhur bagi mazhab malikiyah.

Para ulama hanafiah juga berpegang dengan dalil yang diriwayatkan oleh Al-Imam Thohawi Rahimahullah daripada Sayyiduna Nafi' bin Jubair Radhiyallahu 'Anhu katanya:

"كَتَبَ عُمَرُ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ إِلَى أَبِي مُوْسَى الْأَشْعَرِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ: (وَصَلِّ الْعِشَاءَ أَيَّ اللَّيْلِ شِئْتَ وَلَا تُغْفِلْهَا.)

Maksudnya: *"Sayyiduna Umar telah menulis sepucuk surat kepada Sayyiduna Abu Musa al-Asy'ari dengan menyatakan: (dan tunaikanlah solat isya itu pada mana-mana bahagian malam sekalipun yang kamu kehendaki dan janganlah kamu lalai terhadap perkara tersebut.)"*

Al-Imam Thohawi juga ada meriwayatkan daripada Ubaid bin Juraij Radhiyallahu 'Anhu bahawa beliau telah bertanya kepada Sayyiduna Abu Hurairah radhiyallahu 'anhu:

"مَا إِفْرَاطُ الْعِشَاءِ؟ قَالَ: طُلُوْعُ الْفَجْرِ."

Maksudnya: "A*pakah penghujung waktu bagi solat isya? Sayyiduna Abu Hurairah menjawab: Penghujungnya ialah terbit fajar."*

Kedua-dua hadis ini disebutkan oleh pengarang I'la as-Sunan iaitu al-Imam Zafr Ahmad Al-Uthmani at-Tahanawi Rahimahullah bahawa rijalnya thiqah dan sanadnya sohih.

Adakah berlaku pertembungan di antara hadis-hadis tersebut?

Secara zohirnya, ketiga-tiga hadis tersebut nampak seolah-olah bertentangan. Namun terdapat kemungkinan untuk menggabungkan maksud ketiga-tiga hadis tersebut.

Ini kerana para ulama usul fiqh telah menyebut:

"إِعْمَالُ كلِّ الْأَدِلَّةِ أَوْلَى مِنْ إِهْمَالِ بَعْضِهَا"

Maksudnya: *"Beramal dengan kesemua dalil itu lebih utama daripada menafikan fungsi sebahagiannya."*

Hadis yang digunakan oleh mazhab Maliki dan Hanbali itu boleh ditanggungkan bahawa ianya merujuk kepada waktu yang mustahab sama ada yang menggunakan pandangan sepertiga atau pertengahan malam. Sebaiknya jangan dilewatkan setelah pertengahan malam tanpa ada sebab yang mendesak.

Al-Imam Thohawi telah menyebutkan di dalam Syarah Ma'ani Al-Athar bahawa zahir keseluruhan hadis itu sama sekali tidak bercanggah dan kesemuanya menunjukkan bahawa akhir waktu isya itu ialah terbit fajar sodiq .

Kata beliau lagi bahawa waktu bagi solat isya terbahagi kepada tiga:-

1. Sehingga sepertiga malam ini adalah waktu paling afdhol.
2. Bermula dari sepertiga malam sehingga pertengahan malam (ini adalah kurang sedikit kedudukannya jika dibandingkan dengan yang pertama)
3. Setelah pertengahan malam sehingga sebelum terbit fajar sodiq (ini adalah kurang kedudukannya dibandingkan dengan yang pertama dan kedua).

Kesimpulan

Sudah terang lagi bersuluh bahawa para ulama terdahulu sangat teliti dalam bermuamalah dengan nas-nas syarak. Mereka sama sekali tidak bahaskan dengan kejahilan apatah lagi mengikut nafsu.

Berbeza dengan kelompok kaum muda atau lebih dikenali sebagai wahabi pada zaman mutakhir ini yang suka menghukum para ulama ummah dengan kejahilan sedangkan yang jahil itu adalah diri mereka sendiri.

Sifat bongkak, serta mendakwa diri berilmu itu adalah pakaian warisan mereka. Maka sudah tentu ianya jauh daripada keberkatan dan kebenaran. Mereka sering melakukan penyelewengan nas-nas dan mentafsirnya mengikut hawa nafsu tanpa berpandu kepada ilmu yang sebenar. Risalah saya ini hanya menjawab salah satu isu yang mereka keluarkan. Semoga ianya menjadi salah satu panduan kepada yang dahagakan ilmu dan kebenaran serta menjadi amal kebajikan bagi saya di akhirat kelak berkat junjungan besar baginda Nabi Sallallahu 'Alaihi Wasallam.

الفقير إلى عفو ربه الكريم

محمد نزرول بن عبد النصير عبد الله الأزهري القدحي

يوم الجمعة

(29/05/2015)

BIBLIOGRAFI

1. مواقت العبادات الزمانية والمكانية (الدكتور نزار محمود قاسم الشيخ)
مؤسسة الرسالة ناشرة
2. Formulasi wajar fiqh (kaki lima)- Abdul Haq, Ahmad Mubarak, Agus Raof.
3. التقريرات السديدة للشيخ الحبيب حسن بن أحمد بن محمد الكاف
4. تفسير البغوي
5. تفسير النسفي
6. تفسير ابن عاشور
7. المعتمد في فقه الشافعي للدكتور محمد الزحيلي
8. صحيح مسلم